

KEBAHAGIAAN SUBJEKTIF DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA-FIZIKAL (OKU-F)

FERLIS BIN BULLARE @ BAHARI



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK
MENDAPATKAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KEBAHAGIAAN SUBJEKTIF DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA-FIZIKAL (OKU-F)

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)

Saya Ferlis Bin Bullare @ Bahari, Sesi Pengajian 2011-2013, mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,


(Tandatangan Penulis)

Alamat Tetap : No. 27, Lorong Raja Udang 3A,
Kingfisher Park, 88400
Kota Kinabalu, Sabah

Tarikh : 24 Februari 2014


NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)


(PROF. MADYA DR. MURNIZAM HALIK)
Penyelia Utama


(PROF. DR. ROSNAH ISMAIL)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24 Februari 2014


Ferlis Bin Buhare @ Bahari
PR2010-9073



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : **FERLIS BIN BULLARE @ BAHARI**
NO MATRIK : **PR2010-9073**
TAJUK : **KEBAHAGIAAN SUBJEKTIF DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA-FIZIKAL (OKU-F)**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)**
TARIKH VIVA : **17 JANUARI 2014**

PENGESAHAN OLEH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Murnizam Halik

Tandatangan



2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Dr. Rosnah Ismail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah SAW, keluarga dan Sahabat-sahabat baginda. Alhamdulillah dengan kudrat dan izin Allah SWT, maka terhasil laporan tesis PhD bertajuk ‘Kebahagiaan Subjektif dalam Kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F)’. Setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan buat Y.Berusaha Prof. Madya Dr. Murnizam Hj. Halik (Penyelia Utama) dan Y.Bhg. Prof. Dr. Rosnah Ismail (Penyelia Bersama) atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang berterusan. Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Chua Bee Seok, Ketua, Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, UMS; Cik Agnes Sombuling, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), SPKS; Prof. Madya Dr. Mohd Dahlan, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), SPKS, Prof. Madya Dr. Balan Rathakrishnan dan En. Beddu Salam Baco, pensyarah SPKS UMS dan tidak lupa kepada Prof. Dr. Vincent Pang, Prof. Dr. Amran Ahmed dan Prof. Madya Ho Chong Mun atas segala tunjuk ajar, dorongan dan motivasi.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (kini Kementerian Pendidikan Malaysia) atas peluang yang diberikan di bawah Skim Latihan Akademik IPTA; Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia; Pengarah dan Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan OKU dan Institusi), Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah; Penguasa Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya Kimanis, Papar; Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Pengarah dan kakitangan di Wad Rehabilitasi, Hospital Beaufort; Pengurus dan kakitangan Sabah Cheshire Home; Pengarah dan kakitangan Jasa Bumi Prosthetic and Rehab Supply; semua responden kajian, enumerator (Julie Christie, Asong, Kenson Rubanjar, Pang Tsun Kuo, Mansur Bahari, Efendy, Surianti Lajuma, Gusrianti Marsuki, Siti Quyume Azira Aziz, Muhammad Zulkarnain Adinin, Muhammad Zulbadri Adinin dan Puan Sabrina. Kerjasama, komitmen dan bantuan yang diberikan amat dihargai.

Tidak lupa juga kepada penilai kesahan muka dan kesahan kandungan Instrumen Kebahagiaan Subjektif OKU-F (IKSOKU-F), *peer checks, member checks*, penilai proposal, pre-viva dan penilai dan jawatankuasa viva, kakitangan di Pusat Pengajian Pascasiswazah khususnya En. Fadili dan Hafiz serta rakan-rakan seperjuangan di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah serta guru-guru dan sahabat handai, doa dan sokongan anda tidak akan dilupakan.

Akhir kata ucapan terima kasih kepada ayahanda Hj. Bahari Husin dan bonda, Hjh. Jodde Tola, Abang (Jamal & Mansur), kakak (Nuridah) dan adik (Allahyarham Mohd. Yunus) yang sentiasa memberi galakan dan sokongan yang tidak ternilai untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD. Buat isteri tersayang, Puan Salminah Amin, anak-anak yang dikasihi (Khadijah Fariyah Mardyiah, Muhammad Adam Furqan dan Muhammad Irfan Fadlan), pengorbanan dan kesabaran kalian amat dihargai dan sangat bermakna. Semoga jasa kalian semua diredhai Allah SWT.

Ferlis Bin Bullare @ Bahari
24 Februari 2014

ABSTRAK

KEBAHAGIAAN SUBJEKTIF DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA-FIZIKAL (OKU-F)

Kajian berbentuk *exploratory sequential design* ini dijalankan bertujuan untuk meneroka secara kualitatif kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F), membentuk Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F) dan Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F) berdasarkan dapatan kajian kualitatif serta menguji dan menilai ciri psikometrik SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F. Dalam kajian kualitatif menggunakan *Grounded Theory*, seramai 29 OKU-F telah dijadikan responden kajian. Persampelan bertujuan digunakan dalam proses pemilihan responden. Protokol temubual yang telah dibentuk merangkumi soalan terbuka dan separa struktur mengenai kebahagiaan OKU-F. Hasil kajian dengan menggunakan metod *Grounded Theory* mendapat terdapat enam dimensi kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu 1) kepuasan, 2) kendiri, 3) emosi positif, 4) makna hidup, 5) kesejahteraan rohani dan 6) pemikiran positif. Sementara itu, terdapat 10 sumber kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu 1) interaksi sosial, 2) sokongan penjaga, 3) sokongan rakan, 4) sokongan institusi, 5) sokongan peralatan, 6) kebolehaksesan, 7) kesaksamaan, 8) kebebasan, 9) pencapaian dan 10) kesihatan fizikal. Fasa Interim melibatkan proses pembentukan SDKSOKU-F yang terdiri daripada 58 item dan SSKSOKU-F merangkumi 66 item. Fasa 2 iaitu pelaksanaan kajian tinjauan melibatkan seramai 290 OKU-F yang tinggal di sekitar negeri Sabah. Analisis penerokaan faktor menunjukkan terdapat empat (4) sub-skala dimensi kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu 1) kerohanian, 2) emosi, 3) efikasi diri, 4) kepuasan terhadap akses. Di samping itu, kajian membuktikan terdapat lapan (8) sumber kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu 1) sokongan penjaga, 2) sokongan rakan, 3) sokongan peralatan, 4) kebolehaksesan, 5) eliminasi, 6) pencapaian, 7) kesaksamaan, dan 8) sokongan institusi. Keputusan kesahan konvergen menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara empat sub-skala dimensi kebahagiaan subjektif dan lapan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F. Di samping itu, terdapat hubungan positif yang signifikan antara empat sub-skala dimensi kebahagiaan subjektif dengan *Satisfaction with Life Scale (SWLS)* dan *Sense of Well-Being Inventory (SWBI)*. Nilai pekali *Cronbach Alpha* dan *Split-Half* bagi sub-skala dimensi kebahagiaan subjektif OKU-F adalah sederhana hingga sangat tinggi. Penerokaan mengenai kebahagiaan daripada pandangan OKU-F sendiri, pembentukan dan pengujian psikometrik instrumen kebahagiaan subjektif OKU-F diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada pihak kerajaan dalam usaha memasukkan elemen Indeks Kebahagiaan dalam *Najibnomics* iaitu hala tuju negara menuju ke arah antara negara yang paling bahagia di dunia dan pencapaian kesejahteraan masyarakat secara umum. Penyelidikan ini juga diyakini memberi manfaat khususnya bidang Psikologi Positif, komuniti OKU-F, institusi, pihak kerajaan dan masyarakat secara umumnya.

ABSTRACT

A sequential exploratory study design was conducted in pertinent to explore qualitatively on People with Physical Disabilities (PwPDs)'s subjective happiness. This study is also meant to develop the Subjective Happiness Dimensional Scale-PwPDs (SHDS-PwPDs) and the Subjective Happiness Sources Scale-PwPDs (SHSS-PwPDs) based on the qualitative findings and, to test and evaluates the SHDS-PwPDs and SHSS-PwPDs. The qualitative study has involved 29 PwPDs as the respondents in this study. A purposeful sampling approach was used in the selection of these respondents. Open-ended and semi-structured questions of an interview protocol was also constructed to investigate the happiness experienced by these PwPDs. Results of this study in using the Grounded Theory method revealed six subjective happiness dimensions of the PwPD. The dimensions are; 1) satisfaction, 2) self, 3) positive emotion, 4) meaning of life, 5) spiritual well-being and 6) positive thinking. Ten sources of subjective happiness among PwPDs are also found which included; 1) social interaction, 2) caretaker support, 3) friends support, 4) institution support, 5) equipment support, 6) accessibility, 7) equality, 8) freedom, 9) achievement and 10) physical health. An interim phase involving a developmental process of 58 items in SHDS-PwPDs and 69 items in SHSS-PwPDs was steered accordingly. The second phase which was a survey study, had involved 290 PwPDs who reside in the Malaysian State of Sabah. The exploratory factor analysis for the dimensions and sources of PwPDs showed that there are four sub-scale dimensions of subjective happiness among the PwPDs which are; 1) spirituality, 2) emotion, 3) self-efficacy, and 4) satisfaction with accessibility. The study also proved that there are eight sources of PwPDs subjective happiness which are 1) caretaker support, 2) friends support, 3) equipment support, 4) accessibility, 5) elimination, 6) performance, 7) equality, and 8) institutional support. The convergent validity result showed that there is a significant positive relationship among the four sub-scales of happiness dimensions and the eight sources of PwPDs subjective happiness. There is also a significant positive relationship between four sub-scales subjective happiness dimensions to Satisfaction with Life Scale (SWLS) and Sense of Well-Being Inventory (SWBI). The coefficient of the Cronbach Alpha and Split-Half of the SHDS-PwPD were found moderately high to very high. The exploration of happiness among disabled people through their introspections and the formation of PwPDs subjective happiness instrument are expected to provide valuable input to the government in an effort to incorporate the elements of Happiness Index in the Najibnomics, which is one of the directions of this country in becoming one of the happiest country in the world and to achieve a well-being society in general. This research is also believed to be beneficial, particularly in the field of Positive Psychology, to the disabled communities, institutions, governments and the society in general.

KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---------|
| PENGAKUAN | i |
| PENGESAHAN PENYELIA | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI FOTO | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xvii |
| SENARAI LAMPIRAN | xviii |
| | |
| BAB 1: PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.1.1 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 8 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 12 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 13 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.6 Skop Kajian | 16 |
| 1.7 Kesimpulan | 16 |
| | |
| BAB 2: SOROTAN LITERATUR | 18 |
| 2.1 Pengenalan | 18 |
| 2.2 Falsafah dan Sejarah Ringkas Konsep Kebahagiaan | 18 |
| 2.3 Teori Kebahagiaan | 22 |
| 2.3.1 Teori Hedonisma | 22 |
| 2.3.2 Teori Eudaimonia | 26 |
| 2.3.3 Teori Kebahagiaan Sejati | 27 |
| 2.4 Model Psikologi Kebahagiaan | 30 |
| 2.5 Model Sosial dan Model Perubatan Ketidakupayaan | 33 |
| 2.6 Ulasan Kajian Lepas | 37 |
| 2.6.1 Kajian Kebahagiaan Umum | 37 |
| 2.6.2 Kajian Kebahagiaan OKU-Fizikal | 53 |
| 2.6.3 Kebahagiaan OKU-F Berdasarkan Model Kebahagiaan Lyubomirsky, Sheldon dan Schkade (2005) | 57 |
| 2.6.4 Pengukuran Kebahagiaan | 66 |
| 2.7 Definisi Konsep | 75 |
| 2.7.1 Kebahagiaan | 75 |
| 2.7.2 Orang Kurang Upaya dan OKU-F | 79 |
| 2.8 Kerangka Kajian | 79 |
| 2.9 Kesimpulan | 83 |

| | |
|--|-----|
| BAB 3: METODOLOGI | 84 |
| 3.1 Pengenalan | 84 |
| 3.2 Proses Penyelidikan | 84 |
| 3.3 Reka Bentuk Kajian | 86 |
| 3.4 Fasa 1: Pendekatan Kualitatif | 87 |
| 3.4.1 <i>Grounded Theory Methodology</i> | 87 |
| 3.4.2 Subjek Kajian Kualitatif | 88 |
| 3.4.3 Lokasi Kajian Kualitatif | 95 |
| 3.4.4 Protokol Kajian Kualitatif | 95 |
| 3.4.5 Teknik Pengumpulan Data Kualitatif | 96 |
| 3.4.6 Tatacara Kajian Kualitatif | 105 |
| 3.4.7 Proses Analisis Data Kualitatif | 107 |
| 3.4.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kajian Kualitatif | 128 |
| 3.4.9 Pertimbangan Etika | 134 |
| 3.5 Fasa Interim: Pembentukan Instrumen Kebahagiaan Subjektif OKU-F (IKSOKU-F) | 135 |
| 3.6 Fasa 2: Pedekatan Kuantitatif | 136 |
| 3.6.1 Rekabentuk Kajian | 136 |
| 3.6.2 Subjek Kajian | 136 |
| 3.6.3 Lokasi Kajian | 141 |
| 3.6.4 Alat Kajian | 141 |
| 3.6.5 Kaedah Pengumpulan Data Kuantitatif | 146 |
| 3.6.6 Analisis Data Kuantitatif | 147 |
| 3.7 Kesimpulan | 149 |
| BAB 4: HASIL KAJIAN KUALITATIF | 151 |
| 4.1 Pendahuluan | 151 |
| 4.2 Model Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 151 |
| 4.3 Kategori Teras: Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 154 |
| 4.3.1 Kepuasan | 155 |
| 4.3.2 Kendiri | 160 |
| 4.3.3 Makna Hidup | 168 |
| 4.3.4 Emosi | 173 |
| 4.3.5 Kerohanian | 190 |
| 4.3.6 Pemikiran Positif | 196 |
| 4.4 Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 202 |
| 4.4.1 Interaksi Sosial | 202 |
| 4.4.2 Sokongan Penjaga | 220 |
| 4.4.3 Sokongan Rakan | 227 |
| 4.4.4 Sokongan Institusi | 231 |
| 4.4.5 Sokongan Peralatan | 234 |
| 4.4.6 Kebolehaksesan | 243 |
| 4.4.7 Kesaksamaan | 260 |
| 4.4.8 Kebebasan | 262 |
| 4.4.9 Pencapaian | 269 |
| 4.4.10 Kesihatan Fizikal | 277 |

| | | |
|--|---|------------|
| 4.5 | Cabaran, Strategi dan Kesan Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 285 |
| 4.6 | Kesimpulan | 289 |
| BAB 5: FASA INTERIM: PEMBENTUKAN IKSOKU-F | | 291 |
| 5.1 | Pengenalan | 291 |
| 5.2 | Proses dan Langkah Pembentukan IKSOKU-F | 292 |
| | 5.2.1 Kenal Pasti Dimensi dan Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 292 |
| | 5.2.2 Pembentukan Item | 293 |
| | 5.2.3 Penentuan Skala Pengukuran | 300 |
| | 5.2.4 Analisis Kesahan Muka dan Kandungan oleh Pakar | 301 |
| | 5.2.5 Pemilihan Instrumen Kebahagiaan Piawai | 302 |
| | 5.2.6 Pentadbiran IKSOKU-F | 302 |
| | 5.2.7 Penilaian Psikometrik IKSOKU-F | 305 |
| 5.3 | Kesimpulan | 305 |
| BAB 6: HASIL KAJIAN KUANTITATIF | | 307 |
| 6.1 | Pengenalan | 307 |
| 6.2 | Kesahan Konstruk Dimensi dan Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 308 |
| | 6.2.1 Kesahan Konstruk Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 310 |
| | 6.2.2 Kesahan Konstruk Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 317 |
| 6.3 | Pengesahan Komponen Analisis Faktor Bagi Dimensi dan Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F Melalui <i>Split-Sample</i> Menggunakan Putaran Promax | 332 |
| 6.4 | Kesahan Konvergen antara Sub-Skala Dimensi dan Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 337 |
| 6.5 | Kesahan Konvergen antara Sub-Skala dimensi Kebahagiaan Subjektif dengan <i>Satisfaction with Life Scale (SWLS)</i> dan <i>Psychological Well Being Scale (PWBS)</i> | 338 |
| 6.6 | Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman Sub-Skala Dimensi, Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F, <i>SWLS</i> dan <i>PWBS</i> | 340 |
| 6.7 | Kualiti Item SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F | 341 |
| 6.8 | Penilaian SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F Menggunakan Skor Faktor dan <i>Skala Summated</i> | 343 |
| 6.9 | Kesimpulan | 346 |
| BAB 7: PERBINCANGAN DAN PENUTUP | | 349 |
| 7.1 | Pengenalan | 349 |
| 7.2 | Ringkasan Kajian | 349 |
| 7.3 | Perbincangan Hasil Kajian | 353 |
| 7.4 | Implikasi Kajian | 391 |
| | 7.4.1 Implikasi Teori dan Model Kajian | 391 |
| | 7.4.2 Implikasi Praktikal | 393 |
| | 7.4.3 Implikasi Dasar | 395 |
| | 7.4.4 Implikasi Klinikal | 397 |
| 7.5 | Limitasi Kajian | 398 |
| 7.6 | Saranan Kajian | 399 |
| 7.7 | Penutup | 400 |

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

| | Halaman | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 1.1 | Statistik OKU dan jumlah penduduk mengikut negeri di Malaysia sehingga tahun 2011 | 4 |
| Jadual 1.2 | Statistik OKU dan jumlah penduduk antara tahun 2000 – 2011 di negeri Sabah | 5 |
| Jadual 1.3 | Bilangan OKU mengikut jenis ketidakupayaan tahun 2011 di negeri Sabah | 5 |
| Jadual 2.1 | Pengukuran kepuasan hidup yang terawal | 68 |
| Jadual 2.2 | Faktor pemberat bagi faktor kebahagiaan Compton | 71 |
| Jadual 3.1 | Proses penyelidikan bagi rekabentuk <i>exploratory sequential design</i> kajian "Kebahagiaan subjektif dalam kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F)" | 85 |
| Jadual 3.2 | Ciri demografi responden kajian kualitatif ($N = 29$) | 92 |
| Jadual 3.3 | Ciri ketidakupayaan responden kajian kualitatif ($N = 29$) | 94 |
| Jadual 3.4 | Contoh format nota lapangan | 102 |
| Jadual 3.5 | Tatacara kajian kualitatif (<i>Grounded Theory</i>) | 105 |
| Jadual 3.6 | Petikan daripada kod R1 bagi kategori dan sifat yang sama | 118 |
| Jadual 3.7 | Petikan daripada kod R1 bagi kategori yang sama dan sifat yang berbeza | 119 |
| Jadual 3.8 | Petikan daripada kod R1 dan R2 bagi kategori yang sama dan sifat yang berbeza | 119 |
| Jadual 3.9 | Senarai semak ketepuan teoritikal berdasarkan kategori dan sub-kategori | 127 |
| Jadual 3.10 | Nilai Cohen Kappa bagi lima kategori awal semasa pengekodan terbuka bagi responden pertama | 134 |
| Jadual 3.11 | Profil demografi responden kajian kuantitatif ($N = 290$) | 137 |
| Jadual 3.12 | Ciri ketidakupayaan responden kajian kuantitatif ($N = 290$) | 139 |
| Jadual 3.13 | Sub-skala dan bilangan item SDKSOKU-F sebelum dan selepas penerokaan analisis data | 142 |
| Jadual 3.14 | Sub-skala dan bilangan item SSKSOKU-F sebelum dan selepas penerokaan analisis data | 143 |
| Jadual 3.15 | Andaian/kriteria bagi penerokaan analisis faktor mengikut Hair <i>et al.</i> (2010, 2012) | 148 |
| Jadual 5.1 | Proses pembentukan kategori (Dimensi kepuasan dan emosi) dan Sifat (<i>Properties</i>) | 295 |
| Jadual 5.2 | Contoh pembentukan item dimensi kepuasan OKU-F | 297 |
| Jadual 5.3 | Contoh pembentukan item dimensi emosi OKU-F | 297 |
| Jadual 5.4 | Kategori OKU-F, tempoh dan kaedah menjawab IKSOUKU-F | 303 |
| Jadual 5.5 | Perkataan yang kurang difahami oleh OKU-F semasa kajian awal | 304 |
| Jadual 5.6 | Pekali <i>Cronbach Alpha</i> dan <i>Split-Half</i> sub-skala dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F bagi kajian awal ($N = 20$) | 305 |
| Jadual 6.1 | Panduan faktor pemberat berdasarkan saiz sampel | 310 |

| | | |
|-------------|--|-----|
| Jadual 6.2 | Hasil analisis faktor (promax) mengikut kriteria Hair <i>et al.</i> (2010, 2012) bagi dimensi kebahagiaan subjektif | 310 |
| Jadual 6.3 | Analisis faktor (promax) bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F) (N = 290) | 311 |
| Jadual 6.4 | Matriks korelasi bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) (Putaran Promax) | 312 |
| Jadual 6.5 | Min dan sisihan piawai item dimensi kebahagiaan subjektif (kerohanian) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 313 |
| Jadual 6.6 | Min dan sisihan piawai item dimensi kebahagiaan subjektif (emosi) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 313 |
| Jadual 6.7 | Min dan sisihan piawai item dimensi kebahagiaan subjektif (efikasi diri) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 314 |
| Jadual 6.8 | Min dan sisihan piawai item dimensi kebahagiaan subjektif (kepuasan terhadap akses) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 314 |
| Jadual 6.9 | Hasil analisis faktor (Varimax) mengikut Kriteria Hair <i>et al.</i> (2010, 2012) bagi dimensi kebahagiaan subjektif | 315 |
| Jadual 6.10 | Analisis faktor (varimax) bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F) | 316 |
| Jadual 6.11 | Matriks korelasi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) (putaran varimax) | 317 |
| Jadual 6.12 | Andaian/kriteria dan hasil kajian analisis faktor (Putaran Promax) mengikut kriteria Hair <i>et al.</i> (2010, 2012) bagi sumber kebahagiaan subjektif OKU-F | 318 |
| Jadual 6.13 | Analisis Faktor (putaran promax) Bagi Sumber Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 319 |
| Jadual 6.14 | Matriks korelasi antara sub-skala sumber kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (putaran promax) | 322 |
| Jadual 6.15 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (sokongan keluarga) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 323 |
| Jadual 6.16 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (sokongan rakan) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 323 |
| Jadual 6.17 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (sokongan peralatan) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 324 |
| Jadual 6.18 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (kebolehaksesan) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 325 |
| Jadual 6.19 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (eliminasi) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 325 |
| Jadual 6.20 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (pencapaian) Orang Kurang Upaya-Fizikal | 326 |

| | | |
|-------------|---|-----|
| | (N = 290) | |
| Jadual 6.21 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (kesaksamaan) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 327 |
| Jadual 6.22 | Min dan sisihan piawai item sumber kebahagiaan subjektif (sokongan institusi) Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 327 |
| Jadual 6.23 | Hasil analisis faktor (putaran varimax) mengikut kriteria Hair <i>et al.</i> (2010, 2012) bagi sumber kebahagiaan subjektif OKU-F | 328 |
| Jadual 6.24 | Analisis Faktor (putaran varimax) Bagi Sumber Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (N = 290) | 329 |
| Jadual 6.25 | Matriks korelasi antara sub-skala sumber kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (putaran varimax) (N = 290) | 322 |
| Jadual 6.26 | Pengesahan komponen analisis faktor (promax) bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F) bagi sampel kumpulan pertama (n = 145) | 333 |
| Jadual 6.27 | Matriks korelasi bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (putaran promax) bagi sampel kumpulan pertama (n = 145) | 334 |
| Jadual 6.28 | Pengesahan komponen analisis faktor (promax) bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F) bagi sampel kumpulan kedua (n = 145) | 335 |
| Jadual 6.29 | Matriks korelasi bagi dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (putaran promax) bagi sampel kumpulan kedua (n = 145) | 336 |
| Jadual 6.30 | Interkorelasi antara sub-skala dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal | 337 |
| Jadual 6.31 | Interkorelasi antara sub-skala sumber kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal | 338 |
| Jadual 6.32 | Interkorelasi antara sub-skala dimensi kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal dengan <i>SWLS</i> dan <i>PWB</i> | 339 |
| Jadual 6.33 | Interkorelasi antara sub-skala sumber kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal dengan <i>PWB</i> dan <i>SWLS</i> | 339 |
| Jadual 6.34 | Pekali <i>Cronbach Alpha</i> dan <i>Split-Half</i> sub-skala dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F serta alat ukur piawai <i>SWLS</i> dan <i>PWB</i> (N = 290) | 340 |
| Jadual 6.35 | Nilai pekali korelasi Pearson antara 25 item Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (SDKSOKU-F) dengan Skor Keseluruhan SDKSOKU-F (N = 290) | 342 |
| Jadual 6.36 | Nilai pekali korelasi Pearson antara 42 item Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (SSKSOKU-F) dengan Skor Keseluruhan SSKSOKU-F (N = 290) | 342 |

| | | |
|-------------|---|-----|
| Jadual 6.37 | Penilaian pada pembolehubah baru daripada pembolehubah asal menggunakan Skor Faktor dan Skala <i>Summated</i> Berdasarkan Jantina (N = 290) | 344 |
| Jadual 6.38 | Penilaian pada pembolehubah baru daripada pembolehubah asal menggunakan Skor Faktor dan Skala <i>Summated</i> Berdasarkan Kategori Ketidakupayaan (N = 290) | 344 |
| Jadual 6.39 | Korelasi antara Skala <i>Summated</i> | 345 |
| Jadual 6.40 | Korelasi antara Skala <i>Summated</i> dan Skor Faktor | 346 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

| | Halaman | |
|-----------|---|-----|
| Rajah 2.1 | Korelasi antara Kesejahteraan dan Distres Psikologikal | 73 |
| Rajah 2.2 | Kerangka Model Kajian Kebahagiaan Subjektif dalam Kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F) | 82 |
| Rajah 3.1 | <i>Exploratory Sequential Design</i> | 86 |
| Rajah 3.2 | <i>Exploratory Sequential Design</i> Bagi Kajian Penerokaan Kebahagiaan Subjektif dalam Kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal | 87 |
| Rajah 3.3 | Model Konsep-Petunjuk | 116 |
| Rajah 3.4 | Model Kategori-Konsep-Petunjuk | 116 |
| Rajah 3.5 | Model Petunjuk, Konsep dan Kategori | 117 |
| Rajah 3.6 | Pengekodan Terpilih Melalui Metod Perbandingan Berterusan: Responden 1 (R1) dan Responden 2 (R2) | 121 |
| Rajah 4.1 | Model Kebahagiaan Subjektif OKU-F | 152 |
| Rajah 5.1 | Kategori asas (konsep) dengan Tiga Indikator/Petunjuk (item) | 296 |
| Rajah 5.2 | Skala Likert Lima Mata | 301 |
| Rajah 7.1 | Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-Fizikal | 392 |
| Rajah 7.2 | Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-Fizikal | 393 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

| | Halaman |
|-----------|---------|
| Foto 4.1 | 160 |
| Foto 4.2 | 176 |
| Foto 4.3 | 177 |
| Foto 4.4 | 178 |
| Foto 4.5 | 178 |
| Foto 4.6 | 179 |
| Foto 4.7 | 180 |
| Foto 4.8 | 211 |
| Foto 4.9 | 213 |
| Foto 4.10 | 218 |
| Foto 4.11 | 219 |
| Foto 4.12 | 228 |
| Foto 4.13 | 230 |
| Foto 4.14 | 233 |
| Foto 4.15 | 236 |
| Foto 4.16 | 236 |
| Foto 4.17 | 237 |
| Foto 4.18 | 238 |
| Foto 4.19 | 238 |
| Foto 4.20 | 239 |
| Foto 4.21 | 240 |
| Foto 4.22 | 241 |
| Foto 4.23 | 242 |
| Foto 4.24 | 243 |
| Foto 4.25 | 245 |
| Foto 4.26 | 246 |
| Foto 4.27 | 247 |
| Foto 4.28 | 247 |
| Foto 4.29 | 248 |
| Foto 4.30 | 249 |
| Foto 4.31 | 249 |
| Foto 4.32 | 249 |
| Foto 4.33 | 250 |
| Foto 4.34 | 250 |
| Foto 4.35 | 253 |
| Foto 4.36 | 254 |
| Foto 4.37 | 254 |
| Foto 4.38 | 257 |

| | | |
|-----------|--|-----|
| Foto 4.39 | (Bas) Tidak Piawai untuk OKU-F Kemudahan Pengangkutan Awam (Bas) Piawai untuk OKU-F | 258 |
| Foto 4.40 | Kemudahan Pengangkutan Awam (Keretapi) Tidak Piawai untuk OKU-F | 258 |
| Foto 4.41 | Kemudahan Pengangkutan Awam (Keretapi) Piawai untuk OKU-F | 259 |
| Foto 4.42 | Kebebasan dan Hidup Berdikari | 264 |
| Foto 4.43 | Pencapaian dalam Perniagaan | 270 |
| Foto 4.44 | Pencapaian dalam Pertandingan Memasak | 271 |
| Foto 4.45 | Pencapaian dalam Aktiviti Rekreasi | 275 |
| Foto 4.46 | Ubat Anema untuk <i>Bowel Open Pressure Sore</i> (Kudis Tekanan) | 279 |
| Foto 4.47 | (Kudis Tekanan) | 282 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------------------|---|
| AASP | <i>Asean Association of Social Psychology</i> |
| AD | <i>Autonomic Dysreflexia</i> |
| BO | <i>Bowel Open</i> |
| CP | <i>Cerebral Palsy</i> |
| DBP | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| EVS | <i>European Values Survey</i> |
| FRGS | <i>Fundamental Research Grant Scheme</i> |
| GBS | <i>Gullain Barre Syndrome</i> |
| GNH | <i>Gross National Happiness</i> |
| GT | <i>Grounded Theory</i> |
| ICIDH | <i>International Classification of Impairments Disabilities and Handicaps</i> |
| IKSOKU-F | Instrumen Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal |
| IPPA | <i>International Positive Psychology Conference</i> |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| OHI | <i>Oxford Happiness Index</i> |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| OKU-F | Orang Kurang Upaya-Fizikal |
| PCA | <i>Principal Component Analysis</i> |
| PU | <i>Past Urine</i> |
| PWB | <i>Psychological Well-Being</i> |
| SCI | <i>Spinal Cord Injury</i> |
| SDKSOKU-F | Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal |
| SM | Sebelum Masihi |
| SSKSOKU-F | Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal |
| SWBI | <i>Sense of Well-Being Inventory</i> |
| SWLS | <i>Satisfaction with Life Scale</i> |
| UMS | Universiti Malaysia Sabah |
| UNCRPD | <i>United Nation Convention on the Rights of Persons with Disabilities</i> |
| WVS | <i>World Values Survey</i> |
| % | Peratus |

SENARAI LAMPIRAN

| | |
|------------|---|
| Lampiran A | Protokol Temubual |
| Lampiran B | Sampel Sumber Dokumen |
| Lampiran C | Sampel Transkrip Responden |
| Lampiran D | Kesahan (<i>Member Checks</i>) |
| Lampiran E | Kesahan (<i>Peer Checks</i>) |
| Lampiran F | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian |
| Lampiran G | Soal Selidik IKSOKEU-F |
| Lampiran H | Semakan Pakar dan Semakan Penggunaan Bahasa IKSOKEU-F oleh Dewan Bahasa dan Pustaka |
| Lampiran I | <i>Google Docs</i> |
| Lampiran J | Foto |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Apabila Aristotle bercakap tentang kebahagiaan, beliau tidak bercakap tentang kepuasan psikologi semata-mata sebaliknya menyentuh tentang perkembangan manusia, kemajuan berdasarkan kecemerlangan moral dan intelektual. Aristotle menyatakan terdapat empat perkara yang boleh membawa manusia ke arah kebahagiaan, 1) kebijakan moral yang berkaitan dengan hubungan sosial, 2) aspek intelektual dan kerohanian, 3) keperluan asas yang mencukupi dalam membolehkan manusia untuk memenuhi keperluan makanan, pakaian, rumah, dan 4) mempunyai nasib yang baik dan terhindar daripada penyakit dan kemalangan (Reeve, 1995). Aristotle percaya bahawa kemakmuran manusia atau kebahagiaan yang dicapai sebagai satu perkembangan potensi manusia. Kebahagiaan sebenar memerlukan kehadiran intelektual, kerohanian, sosial, moral, dan kebijakan secara menyeluruh dalam kehidupan.



Ahli falsafah menyatakan bahawa kebahagiaan berupaya untuk meningkatkan motivasi manusia (Diener, 1984). Menurut *World Happiness Report* (2012), masyarakat di sesebuah negara seharusnya menumpukan dan menggalakkan pencapaian kebahagiaan bagi warganegara mereka. Misalnya, Amerika Syarikat pentingkan konsep mengejar kebahagiaan; Ahli falsafah British pula memperkatakan mengenai "*greatest good for the greatest number*"; Bhutan pula telah dikenali kerana mengamalkan *Gross National Happiness (GNH)* berbanding *Gross National Product* sementara negara China komited memperjuangkan masyarakat yang harmoni.

Tidak dinafikan bahawa manfaat kebendaan yang dicapai di dunia tidak akan dapat memenuhi keperluan sebenar manusia sebaliknya kehidupan yang berbentuk kebendaan perlu seiring dengan keperluan penting manusia seperti tidak merasai penderitaan dan keperitan hidup, keadilan sosial dan merasai kebahagiaan. Justeru, baru-baru ini, negara Malaysia juga telah memberi tumpuan bukan sahaja

kepada kesejahteraan masyarakat dari aspek kebendaan malah kerajaan telah bersetuju memasukkan Petunjuk Kebahagiaan ke dalam konsep *Najibnomics* iaitu satu idea yang kreatif dan inovatif, polisi, strategi dan program yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk membawa negara kepada negara yang berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020. Petunjuk kebahagiaan kebangsaan ini bertujuan untuk berkembang konsep bagi mengukur kesejahteraan masyarakat Malaysia (The Sunday Daily, 6 Disember 2012).

Usaha yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia selari dengan saranan yang terkandung dalam *World Happiness Report* (2012) iaitu pihak kerajaan di sesebuah negara perlu memasukkan pengukuran dimensi afektif dan penilaian kebahagiaan yang sistematik selain daripada pengukuran khusus iaitu dari aspek ekonomi, sosial dan prestasi persekitaran. Dengan cara ini, kerajaan sesebuah negara dapat memantau kemajuan bagi konsep pembangunan lestari dan membandingkannya dengan pencapaian negara yang lain. Keperluan untuk mengukur dan menilai kebahagiaan bukan hanya kepada individu yang sihat tubuh badan namun golongan Orang Kurang Upaya juga perlu terlibat sama.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka kebahagiaan subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F), membentuk Instrumen Kebahagiaan Subjektif OKU-F iaitu terdiri daripada dua skala iaitu Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F) dan Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F). Bab pendahuluan ini menerangkan tentang latar belakang kajian mengenai kebahagiaan secara umum dan kebahagiaan dalam kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F). Di samping itu, bab ini juga menjelaskan permasalahan kajian, persoalan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kesimpulan.

1.1.1 Latar Belakang Kajian

Individu yang bahagia biasanya menikmati kejayaan dalam beberapa bidang kehidupan termasuk persahabatan, perkahwinan, pekerjaan, tugas, pendapatan, kesihatan mental dan kesejahteraan psikologikal (Gilbert, 2006; Haidt, 2005; Lyubomirsky, King dan Diener, 2005; Meyers dan Diener, 1995; Ryff dan Keyes, 1995). Menurut Wilson (1967), individu yang bahagia mempunyai tahap kesihatan

yang baik, berpendidikan, personaliti jenis ekstrovert, optimistik, tidak bimbang, beragama, moral kerja yang tinggi, dan mempunyai aspirasi hidup. Diener *et al.* (1985) menyatakan bahawa kebanyakan manusia memiliki perasaan positif dan tidak hanya sentiasa berada dalam keadaan perasaan yang kecawa, murung dan bimbang kerana setiap peristiwa yang dilalui dalam kehidupan sehari-hari memberi pengaruh ke atas emosi dan menghasilkan makna kehidupan tersendiri.

Lyubomirsky, Sheldon dan Schkade (2005) mencadangkan bahawa tahap kebahagiaan individu disebabkan oleh tiga faktor iaitu 1) titik set kebahagiaan individu tersebut, yang mana ditentukan secara genetik, tetap, dan stabil, 2) faktor keadaan termasuk kualiti peribadi (contoh: umur, jantina dan sejarah hidup), kejadian (contoh: perkahwinan, pengangguran dan persaraan) dan situasi (contoh: negara, lokasi dan budaya); dan 3) tindakan yang berniat, seperti apa dan bagaimana mereka berfikir dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Ketiga-tiga faktor ini merangkumi "senibina kebahagiaan lestari" (Lyubomirsky *et al.*, 2005). Tidak dinafikan bahawa mengejar kebahagiaan selepas mengalami ketidakupayaan perlu mempertimbangkan senibina afektif ini kerana salah satu sebab ciri orang yang bahagia adalah kurang melakukan refleksi diri yang negatif berbanding dengan individu yang tidak bahagia, kurang mengalami kesukaran yang dihadapi dan bangkit semula lebih cepat daripadanya dan bertindakbalas kepada peristiwa hidup yang menyediakan dengan cara positif (Abbe, Tkach, dan Lyubomirsky, 2003).

Satu lagi sebab adalah beberapa aspek kebahagiaan berikutnya kejadian ketidakupayaan mungkin secara relatif imun terhadap intervensi pemulihan. Meskipun kenyataan menyebut tentang kepentingan mengenai aspek kebahagiaan selepas mengalami ketidakupayaan, namun tidak banyak kajian dilakukan bagi meneroka dimensi dan sumber kebahagiaan dalam kalangan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Sebaliknya ramai pengkaji lebih berminat mengkaji kesejahteraan subjektif (Melton dan Schulenberg, 2008; Morgan dan Farsides, 2007, 2008; Compton, 2000, 2001; dan Diener, 1984, 1994, 2000).

Golongan OKU merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan

seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekataan berdasarkan hak juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU (Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am, Sabah, 2013). Statistik terkini yang dikeluarkan oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan negara seperti Malaysia mempunyai 15% atau 4.2 juta penduduk dari golongan OKU (Zaliha Omar *et al.*, 2011).

Dalam rekod pendaftaran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, seramai 359,203 Orang Kurang Upaya (1.24%) telah didaftarkan sehingga tahun 2011 daripada jumlah populasi penduduk Malaysia sehingga tahun 2011 iaitu seramai 28,964,300 orang (<http://www.statistic.gov.my/portal/index>). Jadual 1.1 menunjukkan bilangan OKU dan bilangan penduduk sehingga tahun 2011 mengikut negeri di Malaysia.

Jadual 1.1: Statistik OKU dan jumlah penduduk mengikut negeri di Malaysia sehingga tahun 2011

| Bil | Negeri | Bilangan OKU* | Bilangan Penduduk** |
|---------------|-------------------|----------------|---------------------|
| 1 | Selangor | 51,238 | 5, 577, 400 |
| 2 | Johor | 43,610 | 3, 401, 800 |
| 3 | Perak | 34,630 | 2, 397, 600 |
| 4 | W.P. Kuala Lumpur | 25,940 | 1, 694, 500 |
| 5 | Kelantan | 31,611 | 1, 615, 200 |
| 6 | Kedah | 26,829 | 1, 973, 100 |
| 7 | Sabah | 19,938 | 3, 316, 400 |
| 8 | Pulau Pinang | 23,183 | 1, 593, 600 |
| 9 | Terengganu | 21,398 | 1, 074, 000 |
| 10 | Sarawak | 18,038 | 2, 516, 200 |
| 11 | Negeri Sembilan | 18,172 | 1, 042, 900 |
| 12 | Melaka | 18,325 | 833, 000 |
| 13 | Pahang | 19,822 | 1, 524, 800 |
| 14 | Perlis | 5,587 | 237, 500 |
| 15 | WP Labuan | 886 | 89, 800 |
| 16 | WP Putrajaya | - | 76, 400 |
| JUMLAH | | 359,203 | 28, 964, 300 |

* Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2013)

** Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2013)

Jadual 1.2 pula memaparkan Statistik OKU dan jumlah penduduk pada tahun 2000 – 2011 di negeri Sabah. Berdasarkan Jadual 1.2, sepanjang 11 tahun, terdapat pertambahan atau peningkatan jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM di